

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 ( RABU )**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Jemaah Menteri mempertahankan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang menunjukkan kemarahan orang ramai khasnya pengguna Melayu terhadap masalah harga barangan yang tinggi kepada peniaga Cina, satu tindakan yang bahaya dan tidak bertanggungjawab di negara majmuk kita.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tersebut di media sosial sebenarnya bertujuan untuk menegur para peniaga yang enggan menurunkan harga barang walaupun harga minyak dan diesel telah turun.

Teguran yang dibuat oleh beliau ditujukan kepada semua peniaga dan bukan kepada peniaga kaum tertentu. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan terus membela dan menjaga kepentingan rakyat. Justeru dalam hal ini, Kerajaan mahukan para peniaga supaya bertimbang rasa dan bertanggungjawab dengan menurunkan harga barang dan perkhidmatan sejajar dengan penurunan harga minyak dan diesel agar tidak membebankan para pengguna.

Dalam hal ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani hanyalah memberi pandangan beliau terhadap isu harga barang yang tidak turun meskipun berlaku penurunan harga minyak melalui posting oleh pihak lain. Faedah dan manfaat dari penurunan harga akan dinikmati oleh semua kaum termasuk kaum cina, india, melayu dan lain-lain. Kerajaan telah menerima penjelasan daripada Menteri berkaitan, berhubung kenyataan beliau tersebut. Kerajaan juga ingin menegaskan supaya sebarang pertelingkahan yang boleh membawa kepada polarisasi kaum di negara ini tidak sepatutnya dipanjangkan dan haruslah dihentikan demi kepentingan bersama.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 MAC 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID  
[ Pengerang ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**  
minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang diambil pihak Kementerian terhadap pemaju yang mana gagal menyiapkan perumahan Taman Bayu Damai dalam keadaan baik bagi penempatan penduduk kerana keadaan tanah yang mendap, rumah senget, longkang pecah dan rumah retak. Hal ini amatlah serius kerana keselamatan penduduk amatlah diutamakan dalam hal ini; dan
- (b) adakah pihak PETRONAS memantau projek perumahan Taman Bayu Damai ini kerana yang terlibat dalam masalah perumahan ini adalah mereka yang diminta untuk berpindah ekoran projek RAPID di bawah PETRONAS.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perumahan Taman Bayu Damai merupakan kawasan penempatan semula yang dibina untuk penduduk-penduduk yang terlibat dengan pembangunan projek RAPID oleh PETRONAS dan sebilangan penduduk yang terlibat dengan Pengerang Independent Terminals. Kerajaan Negeri telah melantik Tebrau Bay Constructions Sdn. Bhd. sebagai kontraktor reka dan bina bagi pembangunan tersebut. Maklumat projek adalah sebagaimana berikut :-

Pemilik Projek	Kerajaan Negeri Johor
Jenis Projek	Reka dan Bina
Kontraktor Utama	Tebrau Bay Constructions Sdn. Bhd. (TBC)
Juruukur Bahan Kerajaan Negeri Johor	ARH Juruukur Bahan
Arkitek	Normal Architect
Juruperunding Awam dan Struktur	RAF Consult
Bilangan Rumah	949 buah rumah

Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan Tebrau Bay Construction Sdn. Bhd. meletakkan tempoh kecacatan (*defect liability period*) selama dua tahun. Setiap rumah yang diserahkan yang mempunyai kecacatan yang berpunca daripada kerja-kerja pembinaan rumah tersebut, pemilik rumah perlulah mengisi borang aduan kecacatan untuk tindakan pembaikan. Walau bagaimanapun tempoh kecacatan tersebut hanya merujuk kepada kecacatan kerja-kerja pembinaan yang di lakukan oleh pihak kontraktor tetapi tidak termasuk kepada kerja-kerja pengubahsuaian oleh penghuni selepas menerima kunci rumah mereka.

Dalam masa yang sama pihak Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pernah mengadakan taklimat promosi dan pengedaran brosur kepada penduduk di Taman Bayu Damai untuk menjelaskan berkenaan fungsi dan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta

118]. Namun sehingga ke hari ini, pihak Tribunal tidak pernah menerima sebarang pemfailan tuntutan secara rasmi daripada mana-mana penduduk di Taman Bayu Damai.

Hasil semakan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ), Kerajaan Negeri Johor telah mewujudkan satu pasukan pemantau yang akan melawat rumah-rumah yang telah mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang mengalami kecacatan di Taman Bayu Damai untuk memastikan kerosakan dan kecacatan yang dilaporkan telah diperbaiki dan mendapatkan pengesahan daripada pemilik rumah. Pasukan pemantau ini dianggotai oleh wakil-wakil dari UPENJ, Johor Petroleum Development Corporation (JPDC), ARH juru ukur bahan pembinaan lantikan Kerajaan Negeri Johor dan Tebrau Bay Construction Sdn. Bhd.

- (b) PETRONAS melalui KLCC Projek telah meletakkan kakitangannya untuk bersama-sama memantau kemajuan projek di tapak. PETRONAS juga mengambil bahagian di dalam mesyuarat pemantauan kemajuan projek yang di Pengerusikan oleh

Pengarah UPENJ dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan Projek-projek di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang di Pengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Johor.